

Soalan 1-7


Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kakak meletakkan _____ agar pintu biliknya tidak tertutup apabila ditiup angin.
A pemukul
B pengandar
C penyandar
D penyendal
- 2 Kedengaran ombak menderu dan _____ bunyi riaknya di tepi pantai.
A menderam
B mendesau
C menderau
D mendesing
- 3 "Jangan _____ apabila berhadapan dengan pasukan yang lebih handal," kata jurulatih kepada pasukan Harimau Bintang.
A cuak
B ngeri
C culas
D seram
- 4 _____ tingkap rumah Pak Ali terpaksa ditukar kerana telah reput dimakan anai-anai.
A Jejari
B Kekisi
C Tetupai
D Kekuda
- 5 Kudin menggunakan beberapa _____ kain untuk membuat layar kapalnya.
A helai
B keping
C kajang
D lembar

SULIT

3

02/1



Soalan 6 berdasarkan gambar di atas.

- 6 Kemalangan itu berlaku _____ di atas jambatan.
- A nyaris-nyaris
B benar-benar
C tepat-tepat
D betul-betul
- 7 Perlawanan hoki itu tetap diteruskan _____ hujan lebat.
- A malahan
B justeru
C namun
D kendatipun

Soalan 8 hingga Soalan 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan itu telah ditandakan dan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Dialah yang telah muncul sebagai johan pertandingan pidato yang diadakan tempoh hari? Tiada kesalahan.
- A B C D

SULIT

02/1

- 9 "Harap jangan bising," kata Cikgu Amir kepada pelajar-pelajarnya ketika beliau sedang

A

B

C

mengajar. Tiada kesalahan.

D

- 10 Baginda berkenan untuk berangkat ke majlis jamuan diraja pada minggu hadapan.

A

B

C

Tiada kesalahan

D

- 11 Tujuan utama diadakan bulan kemerdekaan ialah untuk memupuk perasaan cinta akan

A

B

C

negara. Tiada kesalahan.

D

- 12 Peragut itu berjaya ditangkap oleh polis berdasarkan kepada maklumat yang dibenikan

A

B

C

oleh orang ramai. Tiada kesalahan.

D

- 13 Pengerusi majlis memaklumkan yang tetamu kehormat tidak dapat merasmikan

A

B

kejohanan itu kerana sakit keras. Tiada kesalahan.

C

D

- 14 Perajurit itu dianugerahi Pingat Gagah Berani atas jasanya mempertahankan negara

A

B

daripada ancaman musuh. Tiada kesalahan.

C

D

SULIT

02/1

Soalan 15 hingga Soalan 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Nazimah *mengirai* debu dengan keras agar tiada debu yang melekat pada permukaan meja.
II Rosnah *mengirai* beras yang ada di dalam nyiru bagi mengasingkan antah.
III Peguam itu *mengirai* fail untuk mencari dokumen penting.
IV Pakaian yang dijemur itu *mengirai* ditiup angin kencang.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 16 I Makanan yang kaya dengan *lawas* amat baik untuk usus kita.
II Setelah segala hutangnya dilangsaikan dia *lawas*.
III Kawasan peranginan itu *lawas* saujana mata memandang.
IV Pembuangan air kecil yang tidak *lawas*, petanda seseorang itu menghadapi penyakit kencing manis.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 17 I Pak Mat berniaga secara *kecil* untuk menyara kehidupan keluarganya.
II Kedudukannya yang *kecil* menyebabkan dia dipinggirkan oleh jiran tetangga.
III Dia menadah tangan kepada Ilahi agar dosanya daripada yang sebesar-besarnya sehingga yang *kecil* diampunkan.
IV Alam fikirannya semakin *kecil* sejak menjadi suri rumah sepenuh masa.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 - 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Longkang di belakang bangunan itu telah diperdalam oleh pihak Jabatan Kerja Raya.
- A telah diperdalamkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.
 - B telah pihak Jabatan Kerja Raya perdalam.
 - C pihak Jabatan Kerja Raya telah dalamkan.
 - D telah diperdalam oleh pihak Jabatan Kerja Raya.
- 19 Mak Timah memicit-micit lututnya berkali-kali untuk menghilangkan rasa sengal.
- A memicit lututnya berkali-kali
 - B memicit berkali-kali lututnya
 - C memicit-micit lututnya berkali
 - D memicit-micit lututnya berkali-kali
- 20 Kaunselor telah mengingatkan ketua kelas-ketua kelas supaya menyerahkan senarai nama peserta bengkel kerjaya yang akan diadakan pada minggu hadapan.
- A mengingati ketua-ketua kelas
 - B mengingatkan ketua-ketua kelas
 - C mengingati ketua kelas-ketua kelas
 - D mengingatkan ketua kelas - ketua kelas
- 21 Kesungguhan dan keiltizaman Raju untuk memperolehi 8A dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah berjaya membuahkan hasil.
- A Kesungguhan dan beriltizam
 - B Kesungguhan dan iltizam
 - C Bersungguh dan beriltizam
 - D Kesungguhan dan keiltizaman

SULIT

02/1

Soalan 22 hingga Soalan 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22. "Jika ada kesalahan yang telah saya lakukan sepanjang persahabatan kita, tolong maafkan saya," kata Adam kepada kawannya.
- A Adam berharap agar segala kesalahan yang telah dilakukan terhadap sahabatnya dimaafkan.
 - B Adam mengajak rakannya agar saling bernaafan jika ada kesalahan selama mereka bersahabat.
 - C Rakannya memaafkan kesalahan yang telah dilakukan oleh Adam selama mereka berkawan.
 - D Adam memohon kemaafan daripada rakannya atas kesalahan yang pernah dilakukannya selama mereka bersahabat.
23. Pencerobohan hutan bagi tujuan pembalakan dan pemburuan menyebabkan kepupusan flora dan fauna.
- A Kepupusan flora dan fauna berpunca daripada pembalakan dan pemburuan yang dilakukan secara haram.
 - B Pembalakan dan pemburuan menyebabkan hutan dicerobohi sehingga flora dan fauna mengalami kepupusan.
 - C Flora dan fauna telah mengalami kepupusan akibat pembalakan dan pemburuan oleh penceroboh.
 - D Flora dan fauna telah dicerobohi hingga pupus kerana pembalakan dan pemburuan yang dilakukan di hutan.

24. Belajar secara berjadual ialah kunci kejayaan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah itu.
- A Pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah itu belajar secara sistematik dan berterusan.
 - B Kunci kejayaan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah itu adalah dengan menyediakan jadual belajar yang sesuai.
 - C Keputusan cemerlang yang diperoleh pelajar itu dalam Penilaian Menengah Rendah adalah kerana perancangan yang berjadual.
 - D Kecemerlangan pelajar itu dalam Penilaian Menengah Rendah disebabkan oleh cara pembelajarannya yang betul.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang betul

25. I Secawan kopi dibuat oleh kakak kepada tetamu yang datang.
II Murid-murid tingkatan tiga dibacakan karangan yang terbaik oleh Cikgu Mustaqim.
III Istana Indera Kayangan terbina oleh rakyat dalam masa satu tahun.
IV Ubat sakit pinggang dicarikan oleh Ahmad untuk Pak Hassan.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

SULIT

02/1

- 26
- I Penghulu itu mengambil berat terhadap kebajikan orang kampung.
 - II Kami terasa sungguh masih letih walaupun telah lama berehat.
 - III Encik Zainal akan mempersuami anak gadisnya pada hujung tahun ini.
 - IV Yang berjuang menentang Malayan Union dahulu itu telah diberi penghargaan.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 27
- I Negeri yang aman menjadi kontang-kanting sejak diperintah oleh Raja Bersiung.
 - II Suara Sharifah Aini sungguh amat merdu ketika mengalunkan lagu Bunga Tanjung.
 - III Gaya pertuturan Suzila keinggeris-inggerisan sejak mengikuti kursus bahasa Inggeris.
 - IV Pasangan kembar itu rindu-merindui ketika berjauhan.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

10

SULIT

02/1

Soalan 28 - 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.



- 28 Dengan sekali pandang sahaja, ketua jurulatih badminton negara dapat mengesan bakat besar yang ada pada Lee Chong Wei.
- A sekilat ikan di air telah tahu jantan betinanya.
 - B jauhari juga yang mengenal manikam.
 - C bagaimana rentak, begitulah tarinya.
 - D menatang minyak yang penuh.

*Seekor kerbau membawa lumpur
habis semuanya terpalit*

- 29 Peribahasa yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan peribahasa di atas ialah
- A ikan pulang ke lubuk.
 - B ikan seekor rosakkan ikan setajau.
 - C ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua.
 - D Telur dua sebandung, pecah sebiji pecah keduanya.
- 30 Kesibukan ibu bapa Nazim menyebabkan dia terpaksa menapak ke sekolah sejauh 500 meter. Namun, perkara ini bukan masalah besar kepada Nazim kerana
- A alah main, menang sorak.
 - B alah limau oleh benalu.
 - C alah bisa tegal biasa.
 - D alah di rumpun betung.